



MENARA PERKESO
281, JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
HOTLINE: 1-300-22-8000

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 1 TAHUN 2020**

**MENGEMASKINI MAKLUMAT ORANG TANGGUNGAN BAGI
PEKERJA ASING DI BAWAH SKIM BENCANA KERJA**

1. Dimaklumkan bahawa PERKESO telah mengambil inisiatif untuk mengemaskini data Orang Tanggungan bagi Pekerja Asing. Tujuan ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan dalam proses penyampaian bayaran faedah kepada Orang Tanggungan di bawah Skim Bencana Kerja bagi Pekerja Asing.
2. Sehubungan ini, para majikan hendaklah memastikan **Borang PA-F101R4–‘Borang Pengisytiharan Orang Tanggungan Pekerja Asing’** dilengkapkan oleh semua Pekerja Asing yang telah berdaftar dengan PERKESO. Bagi Pekerja Asing yang baru diambil bekerja, borang ini perlu dilengkapkan semasa majikan mendaftar Pekerja Asing dengan PERKESO.
3. Borang yang telah dilengkapkan perlu dimuat naik oleh majikan menerusi Portal ASSIST PERKESO.
4. Apa-apa kemusykilan berhubung dengan pekeliling ini hendaklah dikemukakan ke Talian Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000, layari laman sesawang www.perkeso.gov.my atau hadir ke pejabat PERKESO yang berdekatan.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Tarikh : 6 MAC 2020